**Bahagian A**

[50 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Gambar berikut menunjukkan program sifar plastik yang dianjurkan oleh sebuah badan bukan kerajaan (NGO).

*(Sumber: Laman sesawang Greenpeace Malaysia)*

(a) Budaya mesra alam seperti program sifar plastik merupakan satu norma masyarakat global pada masa kini.

Mengapakah kita harus menyokong program tersebut?

……

……

……

……

[3 *markah*]

(b) Beri cadangan anda untuk menggalakkan orang ramai menyertai program tersebut.

……

……

……

……

……

[4 *markah*]

(c) Selain sifar plastik, nyatakan budaya mesra alam yang diamalkan oleh masyarakat global.

i. .....

ii. .....

iii. .....

[3 *markah*]

2. Rajah di bawah berkaitan dengan kes salah laku melibatkan murid sekolah.




(a) Berikan punca murid sekolah terlibat dalam salah laku seperti di atas.

……

……

……

……

[3 *markah*]

(b) Jelaskan peranan pihak sekolah dalam memupuk nilai kerohanian dalam kalangan murid yang terlibat dalam salah laku.

……

……

……

……

……

[4 *markah*]

(c) Nilai kerohanian amat penting diterapkan dalam diri setiap insan. Namun begitu, dalam mengejar arus kemodenan nilai kerohanian semakin dilupakan oleh generasi muda.

Nyatakan kesan pengabaian nilai kerohanian terhadap individu dalam kehidupan seharian.

……

……

……

……

[3 *markah*]

3. Pernyataan berikut berkaitan dilema seorang remaja.

| |
|---|
| Mira merupakan seorang murid cemerlang SPM. Dia ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara dalam bidang perubatan. Mira mula menyesuaikan diri di tempat baharu tanpa mengabaikan budaya asal. Namun begitu, Mira selalu dipujuk oleh rakannya untuk mengamalkan cara hidup mengikut budaya di tempat baharu. |

(a) Sekiranya anda ialah Mira, berikan tindakan yang akan anda lakukan dalam situasi di atas.

……

……

……

……

[3 *markah*]

(b) Jika Mira berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang, nyatakan sumbangan yang dapat diberikan untuk pembangunan negara.

……

……

……

……

[3 *markah*]

(c) Jelaskan kesan sekiranya Mira tidak bersikap glokal dalam situasi di atas.

……

……

……

……

……

[4 *markah*]

4. Pernyataan berikut berkaitan dengan maklumat palsu.

| |
|---|
| Maklumat palsu ialah maklumat yang disebarkan tanpa kesahihan serta bukti yang sah. Jika tidak dibendung, penyebarannya boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada masyarakat. |

*(Sumber: Laman sesawang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia)*

(a) Berikan **tiga** contoh sumber dan maklumat yang sahih.

i. .....

ii. .....

iii. .....

[3 *markah*]

(b) Anda menerima panggilan telefon daripada individu yang menyamar sebagai anggota polis.

Sebagai individu yang memahami tatacara penggunaan sumber dan penyebaran maklumat, jelaskan tindakan yang patut anda lakukan.

……

……

……

……

……

[4 *markah*]

(c) Nyatakan kesan penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang tidak sahih kepada negara.

……

……

……

……

[3 *markah*]

5. Keratan akhbar berikut mengenai Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang diperoleh seorang guru.

**RAHSIA 4 KALI TERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**
Roshlawaty Md Raieh
05 May 2022 05:31pm

Menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) sebanyak empat kali sepanjang 15 tahun menjadi pendidik, membuatkan Cikgu Mohammad Noor Azlan Idris terharu dan sebak.

"Guru tidak akan mampu bergerak seorang diri tanpa sokongan daripada semua pihak. Saya amat bersyukur kerana dikurniakan pihak pentadbiran serta rakan setugas serta seluruh warga sekolah yang sangat bersikap saling membantu antara satu sama lain tanpa ada perasaan dengki dan iri hati malahan saling memberikan sokongan dan semangat," ujarnya.

"Saya sendiri tidak pernah mengejar APC tetapi apabila memperoleh sesuatu penghargaan pastilah kita menghargainya malahan akan mencuba untuk memberikan yang terbaik selepas ini".

*(Sumber: Laman sesawang Berita Harian)*

Kecemerlangan sesuatu organisasi adalah disebabkan amalan integriti yang diterapkan dalam organisasi tersebut.

(a) Nyatakan kepentingan penghargaan kepada warga sekolah yang berintegriti.

……

……

……

……

[3 *markah*]

(b) Terangkan amalan integriti guru tersebut sehingga berjaya mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

……

……

……

……

……

[4 *markah*]

(c) Perasaan dengki dan iri hati sesama warga kerja perlu dielakkan.

Jelaskan kesan negatif sikap tersebut terhadap organisasi.

……

……

……

……

[3 *markah*]

**Bahagian B**
[10 *markah*]
*Jawab* **satu** *soalan saja.*

6. Gambar berikut menunjukkan pasangan badminton lelaki negara, Aaron Chia dan Soh Wooi Yik yang telah berjaya memenangi Kejohanan Badminton Dunia di Tokyo, Jepun baru-baru ini.

*(Sumber: Laman sesawang Berita Harian, 27 Ogos 2022)*

(a) Kejayaan Aaron Chia dan Soh Wooi Yik telah mengharumkan nama negara di persada dunia. Mereka merupakan contoh individu glokal di Malaysia.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan maksud individu glokal.

……

……

……

[2 *markah*]

(b) Terangkan kepentingan menjadi individu glokal.

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

[8 *markah*]

7. Maklumat berikut adalah mengenai integriti pekerja dalam sesebuah organisasi.

*(Sumber: Laman sesawang Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor)*

(a) Kemajuan sesebuah organisasi bergantung pada integriti yang wujud dalam kalangan anggotanya.

Nyatakan cara melaksanakan integriti dalam organisasi.

……

……

……

[2 *markah*]

(b) Jelaskan implikasi sekiranya pekerja tidak mematuhi waktu bekerja.

……

……

……

……

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[8 *markah*]

**Bahagian C**
[40 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan.*

8. Tajuk akhbar berikut berkaitan dengan bantuan kemanusiaan Malaysia kepada Turkiye dan Syria.

| |
|---|
| **Dana bantuan kemanusiaan Malaysia kepada Turkiye dan Syria cecah RM50 juta** |

*(Sumber: Laman sesawang Berita Harian, 16 Februari 2023)*

(a) Jelaskan contoh bantuan lain yang boleh diberikan kepada Turkiye dan Syria.
[4 *markah*]

(b) Mengapakah bantuan kemanusiaan perlu disalurkan kepada Turkiye dan Syria?
[8 *markah*]

(c) Sebagai individu yang mengamalkan budaya mesra alam, bagaimanakah anda menjalankan aktiviti untuk melestarikan alam sekitar global?

Huraikan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang anda pelajari.
[8 *markah*]

……

……

……

……

……

……

……

9. Maklumat berikut berkaitan dengan panggilan palsu.

*(Sumber: Buku teks Tingkatan 5, halaman 51)*

(a) Berdasarkan maklumat di atas, nyatakan kesan panggilan palsu terhadap negara. [4 *markah*]

(b) Jelaskan tatacara penggunaan sumber dan penyebaran maklumat.

Jawapan anda hendaklah dikaitkan dengan nilai-nilai universal yang telah dipelajari. [8 *markah*]

(c) Huraikan penggunaan sumber dan penyebaran maklumat yang boleh menggugat kesejahteraan sejagat. [8 *markah*]

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

……

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**